

19/06/1999

Benteng mempertahankan kedaulatan negara

Kamal Ahmad

APABILA Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan: "Jika Malaysia hendak dijajah semula, penjajah mesti melangkah mayat Umno," perwakilan di Perhimpunan Agung Umno turut memberi reaksi. Menurut mereka itu adalah sumpah Melayu dan Umno yang sedia berjuang untuk mempertahankan negara ini. Segala kebijaksanaan, kepakaran, keberanian dan strategi akan digembleng untuk menangkis sebarang percubaan musuh.

Dalam ucapan dasar presiden hampir dua jam itu, Dr Mahathir memberi tiga musuh besar yang perlu diawasi dan ditangani oleh Umno iaitu kuasa asing melalui gerombolan kapitalisnya, sekumpulan rakyat yang menderhaka untuk memusnahkan bangsa dan negaranya untuk mencapai impian politik mereka serta parti pembangkang yang sanggup diperalatkan negara tertentu untuk mengganggu gugat kestabilan negara.

Dr Mahathir menegaskan, benteng yang mempertahankan kedaulatan negara ialah Umno.

Katanya: "Oleh kerana memang pun benar usaha sedang dibuat oleh pihak kuasa asing untuk melemah, jika tidak pun menghancurkan Umno, dan mereka disokong dan dibantu pula oleh orang tertentu dan parti pembangkang yang lebih mengutamakan kepentingan diri mereka daripada kepentingan negara, maka Umno dan Melayu yang berjiwa Melayu tidak harus membenarkan diri diperangkap oleh mereka ini; tidak harus kita membenarkan diri dipengaruhi perasaan marah dan benci yang tidak berasas sehingga Umno pecah, menjadi lemah dan tidak lagi dapat melindungi kedaulatan negara ini, hak orang Melayu dan Bumiputera lain dan agama Islam. Percayalah, tanpa Umno yang kuat, tidak akan ada kerajaan Malaysia yang berwibawa. Tidak ada sama sekali kemungkinan parti-parti lain, sama ada bergabung atau tidak yang boleh mendirikan kerajaan yang berwibawa, yang mampu memelihara kedaulatan negara ini."

Inilah antara ungkapan yang perlu diinsafi. Tanpa Umno, negara ini akan dikuasai oleh negara asing dan dengan itu peluang untuk memulihkan orang Melayu dan menjadikan mereka bangsa yang berjaya, bermaruah dan dihormati, akan hilang.

Ucapan dasar presiden bertajuk: Maruah Bangsa Tanggungjawab Umno dan dibahagikan kepada 13 tajuk kecil itu disifatkan menyeluruh. Ia tidak boleh dianggap sebagai pentas kempen Umno untuk pilihan raya. Ucapan Dr Mahathir antaranya mengandungi penjelasan berhubung beberapa kekeliruan, kekaburan dan percanggahan dalam isu yang membabitkan kedudukan Datuk Seri Anwar Ibrahim kononnya menjadi mangsa konspirasi politik untuk menghalang beliau daripada menjadi Perdana Menteri.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, menyifatkan berita kes Anwar sudah tersebar luas yang menyebabkan pelbagai perbahasan dan emosi. Jadi saya tidak hairan Dr Mahathir menggunakan kesempatan ini untuk menghuraikannya.

Ketika diminta mengulas tindakan Perdana Menteri yang menumpukan sebahagian besar ucapannya mengenai isu itu, Musa berkata beliau faham penjelasan itu dan berharap rakyat umum begitu juga.

Ditanya mengenai kesanggupan Umno untuk mempertahankan bangsa dan negara, Musa berkata, itulah caranya Dr Mahathir menekankan mengenai pentingnya Umno kukuh, teguh dan kuat.

Pada kaca mata asing, ucapan Presiden juga menarik perhatian, menyeluruh dan penuh peringatan.

Anggota Biro Luar, Hamid Alrawi, dari Parti Sosialis Baath Arab Iraq,

kagum dengan keharmonian, perpaduan dan sokongan ahli Umno serta rakyat terhadap Dr Mahathir.

"Mereka memberi sokongan padu kepada pemimpin," katanya.

Beliau mendoakan Malaysia terus stabil dan segala masalah diselesaikan kerana Iraq turut menumpang kepentingan daripada kestabilan negara ini.

Perbahasan ucapan dasar presiden terus panas selepas disambung kira-kira jam 3 petang. Wakil Kedah yang mencadangkan usul ucapan presiden, turut memanaskan Dewan Merdeka.

Datuk Badruddin Amiruldin dari bahagian Yan turut mendedahkan 16 agenda Yahudi untuk melemahkan Umno, Melayu, Islam, Malaysia serta ummah sejagat. Katanya, ciri-ciri propaganda dan usaha Yahudi untuk mencapai maksud itu turut dimiliki parti pembangkang negara ini.

Kemudian, perwakilan mendengar sendiri beberapa cerita bagaimana sayangnya Dr Mahathir kepada Anwar dan bagaimana bekas Timbalan Perdana Menteri itu sentiasa dipertahankan oleh Perdana Menteri.

Datuk Annuar Musa yang mewakili Umno Kelantan ketika menyokong usul ucapan dasar presiden menegaskan, sikap Dr Mahathir itu jelas sekali menunjukkan bahawa Anwar disingkir disebabkan oleh dirinya sendiri bukan melalui satu konspirasi.

Perwakilan semalam sudah hangat didedahkan dengan tindak-tanduk Pas yang turut mendapat perhatian pembahas.

Penulis buku SHIT juga dibidas dan dikecam habis-habisan termasuk desakan paling keras wakil Perlis, Azihani Ali, meminta penulisnya, Datuk Shahnnon Ahmad, meminta maaf kepada Dr Mahathir atas keceluparannya.

Hari ini, perwakilan akan menyambung perbahasan usul ucapan dasar presiden dan usul agama/sosial yang menjanjikan hujah yang tidak kurang panas, pedas dan kerasnya.

(END)